

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 427 - Falsafah Pendidikan I

Masa : [2 jam]

---

Jawab **TIGA** soalan. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Terangkan perbezaan mazhab idealis dan realis mengenai proses pendidikan. Pilih satu mazhab yang anda sendiri anggap munasabah dan bincangkan kenapa anda beranggapan demikian dengan contoh-contoh yang jelas.
2. Berdasarkan kepada konsep ilmu, manusia dan masyarakat, buat satu huraihan tentang teori pendidikan Plato sebagaimana disarankan di dalam buku "The Republic".
3. Bincangkan dengan kritis ciri-ciri pemikiran Rousseau mengenai pendidikan dan masyarakat. Setakat manakah ide-ide ini relevan dengan keadaan dan keperluan masa kini?
4. "Pendidikan sebagai pembinaan dan penyusunan semula pengalaman yang menambah kepada makna pengalaman dan meninggikan lagi kebolehan mengarah kepada pengalaman yang seterusnya".

Bincangkan dengan kritis pernyataan John Dewey ini mengenai erti pendidikan.

...2/-

- 2 -

5. a) Bincangkan dengan jelas hubungan di antara falsafah ugama dan metafizik Islam dengan ilmu-ilmu yang dipelajari oleh manusia.

ATAU

5. b) Huraikan konsep "pendidikan untuk berdikari" dan terangkan mengapa Nyerere mahukan matlamat pendidikan Tanzania sedemikian.
6. Huraikan konsep "konsientizasi" sebagai yang diperkenalkan oleh Paulo Freiri (1970). Dengan mengkaji situasi pendidikan masa kini, sejauh manakah anda bersetuju bahawa "konsientizasi" patut dijadikan sebagai matlamat akhir pendidikan?
7. Setujukah anda jika disarankan bahawa sistem pendidikan negara kita hari ini adalah merupakan sebagai satu alat kejuruteraan sosial?.

- oooOooo -